

KLB sedia logistik MRT, Petronas

SHAH ALAM 11 Sept. - Konsortium Logistik Bhd. (KLB), hari ini mengumumkan bahawa ia dilantik menjadi panel penyedia perkhidmatan logistik bagi Mass Rapid Transit Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) dan Petronas Carigali Sdn. Bhd. menerusi anak syarikat milik penuhnya, Malaysia Shipping Agencies Sdn. Bhd. (MSA).

Pemilihan menjadi panel bagi kedua-dua syarikat itu merupakan satu perkembangan baik bagi kumpulan itu kerana ia boleh memanfaatkan pengalaman dan kepakarannya dalam menyediakan perkhidmatan logistik bagi projek MRT dan kepada sektor minyak dan gas.

Pelantikan oleh MRT Corp., yang berkuatkuasa pada 1 Ogos lepas adalah bagi tempoh awal dua tahun dengan opsyen pembaharuan semula selepas tamat tempoh.

KLB akan berpeluang menyediakan kepakaran logistik kepada pemilik projek dan vendornya yang menyediakan perkhidmatan kepada projek MRT meli-

batkan pembinaan laluan 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang.

Pelantikan MSA menyertai panel Petronas akan menyaksikan ia mengendalikan penghantaran material dan kelengkapan dari pelbagai tempat di dunia ke tapak fabrikasi di seluruh Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif KLB, Datuk Che Azizuddin Che Ismail berkata, tahun 2012 telah menyediakan banyak peluang kepada syarikat untuk mengembangkan portfolionya.

"Kami gembira dengan pelantikan ini kerana ia menunjukkan pengiktirafan kepada kumpulan sebagai penyedia perkhidmatan logistik utama, meningkatkan lagi usaha kami dalam menjadi pemiagaan logistik menyeluruh.

"Pelantikan itu akan menambah baik pendapatan kami dan membawa syarikat ke tahap yang lebih tinggi," katanya kepada Bernama di majlis rumah terbuka Hari Raya kumpulan, di sini, hari ini. - BERNAMA



PEMBINAAN MRT untuk pengguna Lembah Klang kini berjalan lancar.
- GAMBAR HIASAN